

PM rasmi Paya Indah Sabtu

BH 07 OCT 2001

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Paya Indah Wetlands (Paya Indah) iaitu destinasi pelancongan tanah lembap di Dengkil, Selangor, Sabtu ini.

Selepas perasmian oleh Perdana Menteri, Paya Indah yang mempunyai kira-kira sembilan tasik pelbagai saiz yang dipenuhi teratai dan lili putih akan dibuka kepada orang ramai.

Ketua Pegawai Eksekutif Paya Indah, Muralee Menon, berkata selain keindahan semula jadi, pengunjung ke taman itu berpeluang melihat badak air dari Botswana, Afrika.

"Kehadiran badak itu adalah sebahagian daripada perancangan Paya Indah untuk mewujudkan Safari Afrika di taman yang turut berfungsi memuliharaan alam sekitar, paya gambut dan ekosistem," katanya ketika memberi taklimat kepada wartawan, semalam.

Beliau berkata, setakat ini hanya sebahagian Paya Indah akan dibuka kepada orang ramai untuk membolehkan pengunjung melihat keindahan dan kehidupan di tanah lembap.

Taman yang menggabungkan tanah bekas tanah lombong, hutan tanah lembap dan tasik itu tumpuan kira-kira 130 spesies burung, 40 spesies ikan, 25 spesies haiwan mamalia dan reptilia, 220 spesies tumbuhan akuatik, rumpai air

dan spesies herba lain.

"Projek ini juga boleh menampung 43 juta liter air pada satu masa dan boleh berfungsi sebagai sumber bekalan air ke kawasan sekitar ketika musim kering," katanya.

Beliau berkata, taman seluas 3,200 hektar itu kini bukan saja mampu menjadi satu tarikan pelancongan, malah taman yang menggabungkan ciri keindahan alam dan penyelidikan manusia.

Untuk kemudahan pengunjung, katanya, Paya Lebar kini sedang menyiapkan ruang pameran, kompleks pengangkutan, pondok rehat, tandas awam, kios perniagaan, taman dan lanskap.

Pengunjung dewasa yang ingin melawat taman itu dikenakan bayaran masuk RM5 manakala kanak-kanak RM3 pada hari biasa. Pada hujung minggu pula bayaran masuk ialah RM7 dan RM4 untuk kanak-kanak.

Muralee berkata, pihaknya kini sedang membina 34 unit chalet mewah untuk kemudahan pengunjung tempatan dan asing dan dijangka siap pada suku pertama tahun depan.

Taman itu yang kira-kira lima kilometer dari Pekan Dengkil juga strategik kerana dekat dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan pusat pentadbiran baru, Putrajaya.